

# Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 41 Apr - Jun 2012 | ISSN : 1675 - 2651

## Kreativiti dan inovasi Pelajar boleh dikomersialkan



Ketokohan dan pengalaman Langgu dibukukan



UNIMAS - Pro Auto to generate sustainable and innovative technology



501 Lagi ke Samarahan





# Wacana Ketua Editor

Persada Bil ke 41 ini memuatkan beberapa peristiwa dan aktiviti penting yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak di UNIMAS di sepanjang bulan April hingga Jun 2012. Antara aktiviti penting tersebut ialah Pusat Pengajian Pra-Universiti telah menyambut kehadiran seramai 501 pelajar baharu dan Majlis Ikrar Pelajar telah dirasmikan oleh Naib Canselor Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid serta beberapa aktiviti lain seperti "the Pink Walk" yang dianjurkan oleh para pelajar Kajian Komunikasi dari Fakulti Sains Sosial.

Turut dimuatkan ialah beberapa kajian yang telah mendapat pengiktirafan seperti Rawatan Kumbahan Air Sago yang memperoleh *Best CEO Award* pada pertandingan ECOPRENEUR 2012 di Mongolia.

Selain itu, beberapa pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah berkongsi hasil kajian mereka tentang kualiti hidup para pesakit mental di Sarawak. Persada juga memuatkan Majlis Pelancaran Buku Biografi Dato' Sri Edmund Langgu yang disempurnakan oleh Menteri Kanan merangkap Menteri Pembangunan Sosial, Tan Sri William Mawan. Akhir sekali, Sidang Editorial Persada mengalu-alukan sumbangan artikel daripada anda semua.

Mutara Kata

“Kamu dapat mengenal lebih banyak tentang diri seseorang itu dari adab dan pertanyaannya, bukan dari jawapan-jawapannya.”

- Voltaire -

“Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR. Teman yang paling akrab adalah AMAL. Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM. Bahasa yang paling manis SENYUM. Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK.”

EDITORIAL

#### Penasihat

Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid  
Prof Dr Fatimah binti Abang  
Prof Dr Peter Songan  
Prof Mohd Fazli Abdul Rahman  
Enck Ahmad bin Katang

#### Ketua Editor

Dr Ahi Sarok

#### Editor

Norinda K. Su'ut  
Sarena Haldir

#### Peraka

Raldher Ahmad

#### Jurutulis

Hj Bulang Mohamad  
Azlandy Mohammad Ali Tuah

#### Editor

Roderick Rojls

#### Sumbangan

Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan  
Pusat Pra-Universiti  
Fakulti Sains Sosial  
Fakulti Kejuruteraan

#### Penerbit

Bahagian Penerbitan Aras 5  
Bangunan CAUI  
Universiti Malaysia Sarawak



# 2012.....

## di tangga 165 terbaik Asia.

**T**ahun ini menyaksikan Ulangtahun ke 20 UNIMAS lebih bermakna kerana UNIMAS berjaya memperbaiki kedudukan ke tangga 165 dalam kalangan 500 universiti terbaik di Asia. Turut memperbaiki kedudukan adalah Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia manakala Universiti Sains dan Teknologi Hong Kong (HKUST) dan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) masing-masing mengekalkan kedudukan pertama dan kedua terbaik di Asia.

Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan kepada usaha gigih warga UNIMAS dalam meningkatkan kecemerlangan dari segi aspek pendidikan pelajar, kejayaan kajian dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hubungan rapat UNIMAS dengan komuniti.

Kaji selidik ini telah dilakukan oleh "QS Asian University Ranking" melalui kerjasama akhbar The Chosun Ilbo dari Korea Selatan dan turut dipaparkan menerusi laman web [www.topuniversities.com](http://www.topuniversities.com).





# 501 Lagi ke Samarahan

*Wakil pelajar semasa sesi lafaz ikrar*

*oleh: Muhammad Fhaizal*

Ini tidak ada kaitan dengan label terkenal jenama pakaian antarabangsa tetapi bermula dari 27 sehingga 31 Mei 2012 yang lalu, Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang diketuai oleh En. Abd Al-Hafiz Ismail telah mengadakan program Minggu Aluan Pelajar (MAP) bagi kemasukan pelajar Program Asasi Sains. Seramai 501 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 yang terdiri daripada 169 orang pelajar lelaki dan 332 perempuan telah mendaftar pada sesi pengajian kemasukan 2012/2013 tersebut. Dengan kata lain, seramai 501 pelajar cemerlang yang terpilih daripada sejumlah 7000 permohonan melalui sistem kemasukan universiti Unit Pusat Universiti (UPU), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah diterima masuk bagi mengikuti sesi pengajian satu tahun asasi di PPPU, UNIMAS. Ini bererti, masyarakat telah mengetahui tentang kewujudan program pra-universiti di UNIMAS hasil daripada nama baik dan promosi universiti.

Justeru, akan menjadi amanah dan tanggungjawab besar kepada seluruh warga UNIMAS amnya dan PPPU khususnya bagi mendidik modal insan berkualiti ini setelah sebanyak 501 kepercayaan dan keyakinan memilih PPPU, UNIMAS sebagai platform sebelum melangkah ke alam siswazah kelak.

Antara lain, faktor keyakinan memilih UNIMAS adalah kerana institusi yang berada di Bumi Kenyalang bertuah ini mempunyai persiapan lengkap dan rapi dalam membantu melahirkan modal insan berkualiti. Perkara ini dapat dizahirkan menerusi lapan buah fakulti pengajian, lapan buah pusat sokongan pengajaran dan pendidikan serta empat buah institut penyelidikan dan pembangunan yang meliputi bidang sains dan teknologi.

Selain itu, komponen matapelajaran yang dibentuk juga adalah bersifat menyeluruh. Ini dapat dilihat menerusi struktur pengajian di PPPU dimana para pelajar akan mengikuti matapelajaran Nilai-nilai Sejagat, Kemahiran Berkomunikasi, Teknologi Maklumat, Bahasa Inggeris dan Ko-kurikulum Berkredit disamping empat matapelajaran teras seperti Matematik, Kimia, Biologi atau Fizik sepanjang tempoh pengajian satu tahun mereka. Ini bagi memastikan program-program pembelajaran dan pendidikan relevan kepada para pelajar menghadapi sistem pendidikan yang sentiasa berkembang.



Lantaran itu, pembudayaan inovasi dalam semua aspek pembelajaran khususnya di peringkat pra-universiti harus sentiasa berlaku bagi mewujudkan modal insan yang lebih kompetitif. Ini adalah kerana, pembudayaan inovasi mampu membawa pembangunan dan transformasi sistem pendidikan pra-universiti ke tahap yang lebih tinggi lagi bagi mencapai kejayaan besar pada masa depan.

Oleh itu, PPPU melalui pengeluaran siswazah yang inovatif dan penyertaan aktif warga akademik harus menjadi wadah paling berkesan sebagai pemacu utama model sistem pendidikan pra-universiti atau asasi di negara ini menerusi UNIMAS yang boleh berperanan sebagai ejen utama sistem pengajian tinggi Negara.

Kemuncak acara bagi MAP kali ini adalah penganjuran Majlis Ikrar Pelajar (MIP) yang telah diadakan di Dewan UNIMAS, Kampus Timur dan telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor UNIMAS. Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut ialah YBhg. Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS), beberapa orang Dekan fakulti, pegawai utama universiti serta warga PPPU sendiri. Pada majlis tersebut juga, pelajar Muhammad Shafiq Mohamad@Masri telah dipilih bagi mengetuai sesi lafaz ikrar.



*Wakil pelajar, Muhammad Shafiq Mohamad@Masri menyerahkan Aku Janji Pelajar yang telah ditandatangani kepada Naib Canselor.*

Semoga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan terus menjadi universiti pilihan untuk melahirkan ramai graduan berkelas tinggi. Pada masa yang sama membekalkan tenaga kerja profesional yang relevan dan berintegriti untuk menjadi peneraju di pelbagai sektor awam dan swasta dalam pembangunan negara ini yang dijangka lebih pesat mulai Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).







# Rawatan kumbahan air sago dapat pengiktirafan antarabangsa

oleh: Norinda K.Su'ut

Taruhan UNIMAS ke atas Projek perkhidmatan rawatan air daripada sisa kilang pemprosesan sago berhasil setelah memenangi "Best CEO Award" pada pertandingan ECOPRENEUR 2012 di Mongolia yang berlangsung 16 hingga 22 Jun lalu. Plan perniagaan tersebut berjaya mengetepikan 26 kumpulan lain dari 22 buah negara antaranya Mongolia, Korea Selatan, Rusia, China, Taiwan, Jepun, Filipina, Indonesia, Mexico, Amerika Syarikat, Columbia, Turki, Israel dan Burkina Faso.

Dr Azham Zulkharnain, pensyarah kanan daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan mewakili UNIMAS ke pertandingan itu melalui projek kerjasama rakan-rakan daripada Fakulti Sains dan Teknologi Sumber yang dianggotai Prof Madya Dr Zainab Ngaini, Prof Madya Dr Nazlina Shaari (FSGK), Nordiana Ahmad Nordin dan dua orang pelajar iaitu Mohd Ismail Salim dan Vanessa Lawai.

"Kami menggunakan hasil biomas yang terkumpul daripada sisa pemprosesan sago itu untuk menghasilkan produk tambah nilai iaitu bahan karbon aktif," kata Dr Azham.

"Bahan ini boleh dijadikan sebagai penapis air untuk diminum atau sebagai sistem pemprosesan air itu sendiri," tambahnya lagi.

Tambahnya, apa yang ditekankan dalam cadangan plan perniagaan ini tidak membebankan pengusaha kilang pemproses sago dengan adanya peralatan untuk rawatan air ini. Hasil kajian ini dapat membantu pemilik dan pengusaha kilang sago untuk menyalurkan bahan buangan mereka ke sungai dengan lebih selamat dan mengelakkan pencemaran terhadap air melalui mendapan yang tinggi.

Projek yang mendapat dana daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia diharapkan dapat dikomersial dan diaplikasikan untuk masyarakat umum yang terlibat dalam industri sago di negeri ini.



# UNIMAS - Pro Auto

to generate sustainable and innovative technology

In accordance with the university's goal to achieve the Research University' status, Centre of Technology Transfer and Consultancy (CTTC) UNIMAS has identified the need to commercialize more of its research products locally and internationally. Therefore, a signing Memorandum of Understanding (MoU) between UNIMAS and Pro Auto Care Centre further explore the feasibility incorporating fuel cell in vehicles as a means to increase fuel economy.

Pro Auto Care Sdn Bhd is a Sarawak company specializing in automotive performance. The collaboration with UNIMAS would be a win-win partnership to promote local innovation. The agreement is that UNIMAS personnel will be actively involves in collaboration initiatives relating to automotive activities, particularly in the areas of fuel cell research, technical development and staff development training.

UNIMAS and Pro Auto hope to generate sustainable and innovative technologies to meet market demands of the local automotive industry. This collaboration is the first ever between the university and the automotive industry in developing an application for the industry.



## Zakat pertama daripada ETIQA kepada UNIMAS

Sumbangan zakat oleh pihak ETIQA Takaful Berhad (ETB) di bawah program *Corporate Zakat Responsibility* berjumlah RM70,000 akan diagihkan kepada pelajar yang layak menerima zakat kerana dengan adanya bantuan seperti ini dapat meringankan sedikit beban para pelajar yang menghadapi kesukaran hidup sepanjang pengajian di UNIMAS.

Majlis penyerahan cek sumbangan zakat ini telah disempurnakan oleh Encik Mohammad Yunos Sood, Ketua Pegawai Eksekutif ETIQA Insurance Takaful Bhd cawangan Sarawak kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Mohd Fadzil Abd Rahman pada 11 Mei 2012 di Bilik Galeri, Rumah Universiti UNIMAS.

Ini merupakan sumbangan yang julung kalinya daripada pihak ETIQA Takaful Bhd kepada UNIMAS.



# Pink Walk- a breast cancer awareness

A total of 136 participants assembled for the flag off by UNIMAS Deputy Vice Chancellor, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, accompanied by Faculty of Social Sciences (FSS) Head of Department for Communication, Associate Prof Dr Mus Chairil Samani during the "Pink Walk" charity to create awareness of breast cancer among the students.

Organized by third year communication students led by Ianabella Raeng as part of their third-year group project, jointly supported by Malaysia's National Cancer Council (Makna) and UNIMAS women's organization (Masnita). The organizing costs were courtesy of Masnita and A Clouet & Co (KL) Sdn Bhd providing drinks as well as Ayam Brand sandwiches.

Datin Dyg Mariani Abg Hj Zain, who is also Masnita president, was invited to come up the stage to relate her experience of undergoing treatment for her illness and how she coped with challenges of its aftermath.

"My world came to stop when I was diagnosed with breast cancer," she said trying hard to contain her emotions while narrating the painful treatment process.

Mariani advised students to be vigilant always and to be aware of how to detect the early signs of breast cancer which account for a third of cancer cases among women, including the younger ones.

She stressed the students should not only emphasis on their facial looks but also body parts which might be susceptible to breast cancer and early detection is important although initially, breast cancer may not cause any symptoms.

Delayed diagnosis may cause future problems because many younger women suffering from breast cancer had ignored the warning signs such as a lump, swelling or unusual discharge.

There is a need for the younger generation to be made aware of breast cancer because it poses future challenges, particularly for younger women, as it can involve issues concerning their

sexuality, fertility and pregnancy after undergoing medical treatment.

Early detection and prompt treatment can significantly increase a woman's chances of surviving. Over 90 per cent of women whose breast cancer is caught early, have a better survival rate.

The guest of honor for the event included Vice Chancellor of UNIMAS Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, accompanied by his wife, Datin Dyg Mariani Abg Zain.



*The participants ready at the starting point for the flag off.*



# Quality Of Life Of People With Mental Illness

Saloma Pawi, Dr Zabidah Putit, Rekaya Vincent Balang & Jane Buncuan



Jane is collecting data in Sibul.

**M**ental illnesses have long been subjected to misunderstanding by the general public not only in Malaysia but also globally. Public perception of those with mental illness is severely tainted with negative connotations, ridicule and are commonly linked with crime and deviance (Gerber et al, 1994). Social stigma remains a persistent barrier to good mental health because of misconceptions about the causes and nature of mental illness. This leads to people with mental illness being habitually scorned, ostracized and discriminated by the community. It seems that people relates mental illness as bringing shame to their families.

At present, one out of nine adults and one out of five children are likely to have experienced some form of mental illness in Malaysia. More alarmingly, it was reported that more than 40 percent of Malaysians are likely to have experienced some form of mental illness at some point in their lives compared to 10 years ago (3rd National Health & Morbidity Survey, 2006).

According to WHO (1999), quality of life (QoL) is "individuals' perceptions of their position in life in the context of the culture and value systems in which they live and in relation to their goals, expectations, standards and concerns".

The QoL of people with mental illness is very important for optimum social functioning and social integration into the community setting. Various studies (Ciompi and Muller, 1976; Bleuler 1978; Huber and others 1979; Harding et al 1987; Pinkney et al, 1991; Solomon, 1992; Gerber et al, 1994), reported that the QoL of people with mental illness is less satisfaction but has improved. However, where aspects of social functioning and social integration are concerned, they are affected by the effects of stigma posed on them. The stigma and alienation attached to mental illness does not only put a great burden on the family members or caregivers but towards the community at large (WHO, 1999).

QoL is multi-dimensional. Hence, specific indicators are important to give a global score of satisfaction with life in general or as a whole. The elements addressed in this study are important to examine the QoL of people with mental illness in Malaysia. The multi and diverse cultural ethnicity and social background of Malaysians might have different influences on the QoL of people with mental illness. This may imply different strategy for managing people with mental illness in Malaysia which is particularly relevant for health professionals and social workers. The findings of this study also hope to add further understanding and acceptance of the general public towards people with mental illness.

The team (Saloma Pawi, Dr Zabidah Putit, Rekaya Vincent Balang & Jane Buncuan) is still collecting data for this research.



# Kreativiti dan inovasi Pelajar boleh dikomersialkan


oleh: Norinda K. Su'ut

Tema i-Arts telah dipilih sebagai tema Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir 2012 (CIPTA 2012) anjuran Fakulti Seni Gunaan & Kreatif (FSGK) pada tahun ini. Tema ini menggambarkan inovasi seni yang berciri pintar, pembaharuan, inspirasi, imaginasi, intelek, peribumi dan identiti. Pameran yang diadakan selama lima hari itu turut mendapat pembiayaan dan sokongan Syarikat Petronas.

Antara karya yang dipamerkan adalah 'Flip Chair' karya Mohd Sazli yang telah memenangi anugerah *Malaysia Ideation Award 2012*, komposisi lagu pop rock Iban yang menggunakan alat muzik orkestra Barat hasil karya Darren Zachius Nyalu, tayangan filem pendek bertajuk 'Bahu Kiri' yang mengisahkan pergolakan jiwa seorang remaja yang keluarganya berada di ambang penukaran agama, hasil karya pelajar Sinematografi, Mohd Azzaini. Rosmanti Ramli, pelajar visual grafik, mempamerkan kemasyuran filem Ali Baba Bujang Lapok secara digital, pelajar tekstil dan fesyen, Ibrahim Mamat memperlihatkan hasil karyanya yang menggunakan bahan terpakai dan lebihan potongan fabrik, Chia June Hau pula mengajak pengunjung merasai permainan animasi yang bertajuk 'Rentap; the World Shaker' yang mempamerkan nilai serta ciri-ciri kepahlawanan Rentap.

Manakala, karya 'Genesis' oleh Fujica Anggo memberikan penghargaan kepada semua kaum wanita dalam menukar persepsi stereotaip lelaki terhadap wanita. Juliandy Rifany pula menghasilkan karya bertajuk 'Domination and Endangered' menggunakan medium campuran dalam mengadaptasikan ancaman kepada kepupusan kehidupan liar dan paparan karya oleh Mohamad Suffian, bertajuk 'Behind The Zip' yang memaparkan 'kuasa kawalan' ibu bapa terhadap pergerakan anak-anak mereka dan emosi remaja yang memberontak melawan 'kuasa kawalan' tersebut.

Selain itu, basikal hasil ciptaan Mohd Muhaimin Rafiq Abbas yang menggunakan buluh yang dimampatkan menarik perhatian pengunjung. Ilham itu timbul berikutan minat orang ramai masa kini dalam aktiviti berbasikal. Hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Muhaimin, bahan buluh digunakan untuk menggantikan besi dan basikal itu





dapat menampung berat sehingga 70 kilogram dan perbelanjaan bagi menghasilkan ciptaan ini berjumlah RM800, bagaimanapun ia lebih sesuai digunakan bagi jarak dekat. Terdahulu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, ketika berucap mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi di Majlis Perasmian CIPTA 2012, berkata, dalam keghairahan pelajar mengejar teknologi mereka tidak harus mengabaikan kepentingan untuk mempertahankan karya yang bercorak konvensional. "Dalam penghasilan karya kita perlu menggabungkan elemen seni dan teknologi, kombinasi ini penting sejajar dengan perubahan zaman masa kini," kata Fadzil lagi. Tambahnya lagi, pelajar perlu peka terhadap perubahan bagi memastikan produk yang dihasilkan tidak ketinggalan zaman. Ini bagi memastikan produk ciptaan itu mempamerkan sesuatu yang kreatif, inovatif dan mampu dikomersialkan di peringkat lebih tinggi. Jadi tidak mustahil hasil kreativiti yang dipamerkan pelajar sempena CIPTA 2012 ini beroleh pengiktirafan pihak luar dan produk mereka setanding dengan produk yang berada di pasaran. Turut hadir semasa majlis perasmian CIPTA 2012, Pengurus Besar Petronas Wilayah Sarawak Datin Mary Sadiyah Zainudin, Prof Dr Fatimah Abang, Prof Madya Dr Hasnizam Abdul Wahid, Dekan FSGK dan tetamu kehormat lain.





# Ketokohan dan pengalaman Langgu dibukukan

oleh: Norinda K. Su'ut



Dato' Sri Edmund melihat hasil penulis mengenai dirinya

Dalam usaha menghargai jasa dan perjuangan tokoh tempatan Bahagian Penerbitan UNIMAS telah mengambil langkah untuk menerbitkan buku berbentuk biografi tokoh-tokoh politik mahupun budayawan tempatan yang banyak berbakti di dalam bidang masing-masing. Majlis pelancaran buku biografi Dato' Sri Edmund Langgu Saga bertajuk 'Seorang Pemimpin dan Pejuang' nukilan Neilson Ilan Mersat dan Profesor Dr Spencer Empading Sanggin telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Sosial Tan Sri William Mawan Ikom di DeTAR UNIMAS.

Tan Sri Mawan berkata, melalui penerbitan biografi, masyarakat akan lebih mengenali dan memahami sumbangan, pengorbanan serta cabaran yang telah dilalui oleh tokoh-tokoh tempatan dalam bidang masing-masing.

Di Sarawak, katanya lagi, ramai pemimpin tempatan sejak zaman pemerintahan Jepun, Brooke dan British dilahirkan dari pelbagai kaum.

Kalau perjuangan mereka tidak didokumentasikan, maka masyarakat umum tidak akan mengenali mereka serta sumbangan mereka tidak diketahui dan dihargai umum, tambah Mawan lagi.

Pemilihan Langgu sebagai seorang tokoh tempatan amat bertepatan kerana selain aktif dalam bidang politik, beliau juga merupakan seorang yang berpengetahuan dalam bidang budaya dan adat terutamanya dalam adat istiadat masyarakat Iban, tambahnya lagi.

*"Saya juga pasti banyak 'untold stories' atau 'unofficial anecdotes' yang diketahui umum diketengahkan oleh penulis melalui buku ini"*  
- Mawan.



Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, dalam ucapannya berkata, projek penulisan biografi Dato' Sri Edmund ini adalah yang kedua selepas biografi Dato Sri Tra Zehnder tahun lepas.

Melalui penghasilan biografi sebegini diharap dapat menambahkan khazanah pengetahuan tentang sumbangan dan tokoh-tokoh tempatan kepada masyarakat umum.

"Pemilihan Dato' Sri Edmund sebagai salah seorang daripada tokoh tempatan perlu dibukukan kerana sumbangan beliau terhadap Negara dan masyarakat begitu menyerlah", tambah Prof Datuk Dr Khairuddin lagi.



Gong dipalu tanda rasminya majlis pelancaran buku Langgu



# Nursing Professional Examination Workshop

*Saloma Pawi, Rekaya Vincent Balang and Jane Buncuan*

The Nursing Professional Examination workshop has been successfully conducted at the Damai Beach Resort from 15 till 17 February 2012. This workshop is an annual event whereby all the nursing lecturers and some clinical teachers meet to vet questions. For this workshop, there are two task force teams doing the vetting of questions: the First Professional Examination and the Final Professional Examination. The First Professional Examination task force team was led by AP Dr. Chang Ching Thon while the Final Professional examination task force team was led by Dr. Miranda Goh. The sessions involved vetting three types of questions for example Single Choice Answer Questions (SCAQ); Short Answer Questions (SAQ) and Objective Structured Clinical Examination (OSCE) for both examinations.

## 3rd UNIMAS Nursing Student's Conference

*Saloma Pawi, Jane Buncuan and Rekaya Vincent Balang*

The 3rd UNIMAS Nursing Student's Conference was successfully conducted for two days from 3rd to 4th March 2012 at the Auditorium A, Faculty of Medicine and Health Sciences. This annual event organized by the final year nursing students provides a platform for the students to share knowledge and experiences to improve nursing standards and further expand nursing knowledge. The theme for this year's conference is "Bridging the Gap between Theory and Practice". This is timely and appropriate as the theory-practice gap has existed. It is important to apply theory that has been learned into practice so that the quality of nursing care can be maximized.

This conference was graciously launched by the Deputy Minister of Foreign Affairs, Malaysia and Member of Parliament for P199 Serian, YB Datuk Richard Riot Jaem. Other dignitaries who attended this conference include the Vice Chancellor of UNIMAS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation, UNIMAS), Prof Dr Peter Songan, Dean of Faculty Medicine and Health Sciences, Prof Dr. Haji Ahmad Hatta Rasit; Deputy Dean of Faculty Medicine and Health Sciences, Associate Prof Dr. Lela Hj. Su'ut and the Sarawak Director of Nursing, Ms Fu Choon Kee.

There were two keynote addresses one was delivered by Dr Sidiyah John Siop and the other by Mdm Rose Nanju. In addition, there were two continuous nursing education sessions which was conducted by Dr Nariman Singmame and Ms Jidah Padang and five innovation projects by the final year nursing students of UNIMAS. There was also a presentation by nursing students from Kulliyah of Nursing, International Islamic Universiti Malaysia.

## UNIMAS - Jepun bekerjasama lagi

*oleh: Norinda K.Su'ut*

UNIMAS telah melakukan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Yamaguchi dan Tokuyama Corporation dari Jepun melibatkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. MoU di antara UNIMAS dengan Universiti Yamaguchi membabitkan pertukaran pelajar dan kakitangan, projek penyelidikan bersama dan perundingan, maklumat dan penerbitan akademik serta penganjuran persidangan dan seminar bersama.

Manakala MoU dengan Tokuyama Corporation pula membabitkan dua tawaran biasiswa untuk membolehkan pelajar UNIMAS melanjutkan pelajar di Universiti Yamaguchi, geran bagi kajian kuasa berkualiti di Malaysia dan cadangan bagi penyelesaian keperluan kuasa bagi Tokuyama Sarawak, yang sedang membangunkan kilang silikon polikristalin di Taman Perindustrian Samalaju Bintulu.

"Kami berharap dapat belajar banyak perkara dari Universiti Yamaguchi sebagai sebuah institusi yang berpengalaman dan dari Tokuyama Corporation, sebuah syarikat terkemuka," kata Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Khairuddin dalam ucapannya pada majlis itu.

"MoU itu akan membolehkan ketiga-tiga pihak bekerjasama dalam merancang pembangunan modal insan mahir dan separa mahir bagi SCORE," tambah beliau lagi.

Prof Khairuddin juga mengucapkan tahniah kepada Fakulti Kejuruteraan yang telah memperolehi 18 MoU dengan beberapa institusi pengajian, organisasi dan industri tempatan dan antarabangsa dan hasil daripada MoU-MoU tersebut begitu menggalakkan.

Pada majlis pemeteraian MoU itu, UNIMAS diwakili oleh Prof Datuk Dr Khairuddin, Universiti Yamaguchi oleh Naib Presidennya Prof Dr Hiroshi Matsuda dan Tokuyama Corporation oleh Penasihatnya Siichi Shiraga dan disaksikan oleh Menteri Muda Promosi Pendidikan Teknikal Sarawak, Datuk Len Talif Salleh.



# “Go Green”

oleh: Lim Li Kar

Tanggal 23 Jun 2012, UNIMAS Medical Society (UNIMED) telah mengadakan suatu kempen kesedaran alam sekitar iaitu kempen “Go Green”. Kempen ini telah diadakan di peringkat Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Aktiviti utama dalam kempen “Go Green” ini adalah peraduan merekabentuk barangan berguna menggunakan barangan terpakai. Sebanyak lima kumpulan pelajar telah menyertai peraduan tersebut.

Tepat pada pukul 8.30 pagi, majlis dimulakan dengan nyanyian ‘Negaraku’ dan ‘UNIMAS Gemilang’ dan disusuli dengan ucapan daripada pengarah kempen “Go Green”. Selepas tayangan montaj “Go Green” pada pukul 8.45 pagi, majlis dengan berbesar hati menjemput exco Majlis Perwakilan Pelajar untuk memberikan sepatah dua kata. Kemudian, tetamu jemputan dan para peserta dijemput untuk menjamu selera. Sambil menikmati sarapan pagi, tayangan video: “An Inconvenience Truth?” telah dimainkan dengan tujuan membina semangat cintakan alam sekitar disamping meningkatkan kesedaran tentang pentingnya memelihara dan memulihara alam sekeliling.

Pertandingan tersebut berlangsung pada pukul 11.30 pagi selama 2 jam. Perbentangan prototaip setiap kumpulan telah dijalankan pada pukul 2.00 petang selepas makan tengah hari. Pemenang peraduan tersebut ialah kumpulan ‘Sebayor 201’, ‘Lot 77-Aras 3’, dan ‘Wonderwoman’ dengan hasil prototaip mereka iaitu beg tangan, meja serbaguna, dan bingkai gambar.

Secara keseluruhannya, aktiviti ini bukan sahaja mampu meningkatkan kesedaran dan membina semangat mencintai alam sekitar tetapi juga dapat mengeratkan silaturahim antara peserta dan ahli jawatankuasa pengelola. Dengan berbekalkan semangat, pengetahuan umum, dan kesedaran yang tinggi, ahli-ahli jawatankuasa pengelola telah menjayakan program ini sebagai menyahut kempen “Go Green” yang telah dijalankan oleh pihak UNIMAS di kampus barat.



Kumpulan ‘Sebayor 301’ membentangkan prototaip mereka yang menggambarkan suasana persekolahan.



Prototaip kumpulan ‘Lot 77-Aras 4’ iaitu almari buku.



Bingkai gambar yang dihasilkan oleh kumpulan ‘Wonderwoman’.



# Pertandingan Permainan Dalaman (*Indoor Games*) FPSK 2012



oleh:  
*Aisyah Munirah bt Hasbullah*

**B**erorientasikan rekreasi permainan yang berdaya saing yang melibatkan penguasaan ilmu serta kemahiran yang tinggi, Persatuan Perubatan UNIMAS (UNIMED) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu pertandingan iaitu '*Indoor Games*' dalam kalangan pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK). Pertandingan ini bertujuan mengasah bakat dan kemahiran pelajar dalam menguasai teknik-teknik permainan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim. Permainan '*Indoor Games*' ini telah diadakan pada 12 Mei 2012 bertempat di Auditorium A, FPSK dan mendapat sambutan hangat daripada para pelajar. Antara jenis permainan dalaman yang dipertandingkan ialah catur, dam haji, batu seremban, karom dan congkak. Permainan-permainan ini bercorak tradisional di mana ianya juga bertujuan memberikan pendedahan meluas tentang budaya unik Malaysia kita. Selain itu, '*Indoor Games*' juga banyak membantu para pelajar dalam mengawal tekanan emosi dan memanfaatkan masa yang terluang. Permainan-permainan ini juga telah berjaya diperkenalkan dan dimartabatkan pada era globalisasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr Ong Puay Hoon selaku penasihat program dan semua yang terlibat dalam menjayakan '*Indoor Games*' 2012. Semoga program yang bermanfaat ini sentiasa mendapat sokongan yang teguh demi kemaslahatan semua pihak.







Bahagian Penerbitan UNIMAS  
Tingkat 5, Bangunan CAUH  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300, Kota Samarahan  
Tel: 082-581159 / 581157 Faks: 082-581919

